

**NOTIS SEBUTHARGA**

1. Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat berstatus Bumiputera yang berpengalaman, berkelayakan dan berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia bagi melaksanakan perkhidmatan berikut:

<b>NO. SEBUTHARGA</b>	<b>TAJUK</b>	<b>KOD BIDANG</b>	<b>TEMPOH PEMBUKAAN SEBUTHARGA</b>	<b>TARIKH TUTUP</b>
Bil. 11/2020	Perkhidmatan Percetakan Buku Start Me Up: Kit Panduan bagi Permulaan Perniagaan	221601 221615	29 Julai 2020 hingga 11 Ogos 2020	11 Ogos 2020 12.00 tengahari

2. Syarikat Bumiputera yang berminat hendaklah berdaftar dalam kod bidang yang dinyatakan di atas. Untuk makluman, Kementerian Kewangan Malaysia telah menguatkuasakan penggunaan Kod-kod Bidang baharu dan peraturan baharu pendaftaran mulai 17 Jun 2012. Penguatkuasaan ini dikenakan ke atas semua syarikat dan firma perunding yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia. Sila rujuk laman web rasmi ePerolehan di [www.eperolehan.gov.my](http://www.eperolehan.gov.my) untuk maklumat lanjut.
3. Dimaklumkan juga bahawa Dokumen Sebutharga boleh dimuat turun di laman sesawang SME Corp. Malaysia. Semua kos berkaitan Cadangan Tawaran Sebutharga ini adalah menjadi tanggungjawab Pembekal.
4. Pembekal hendaklah menyertakan sesalinan dokumen sepertimana yang dinyatakan di dalam senarai semak yang terdapat dalam Dokumen Sebutharga.
5. Cadangan Tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermeterai dan bertanda dengan Tajuk dan No. Sebutharga disebelah kiri atas sampul surat dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran atau menghantar ke alamat seperti berikut:

**Pengarah  
Bahagian Pengurusan Korporat  
Aras 5, Blok B, Platinum Sentral  
Jalan Stesen Sentral 2  
Kuala Lumpur Sentral  
50470 Kuala Lumpur**

6. SME Corp. Malaysia tidak terikat untuk menerima Cadangan Tawaran terendah atau mana-mana cadangan tawaran. SME Corp. Malaysia berhak untuk menerima, menolak atau membatalkan keseluruhan atau sebahagian daripada Cadangan Tawaran.
7. Cadangan Tawaran yang dikemukakan selepas tarikh dan masa tutup tidak akan dipertimbangkan.
8. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi Unit Perolehan, SME Corp. Malaysia ditalian 03-2775 6258 / 6158 / 6126 atau e-mel, [perolehan@smecorp.gov.my](mailto:perolehan@smecorp.gov.my)